

NO. SOALAN: 83

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]**

TARIKH : 28 MEI 2015

RUJUKAN : 7919

SOALAN:

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah Kerajaan akan mengeluarkan Kertas Putih mengenai kegiatan pertubuhan-pertubuhan atau pun individu-individu yang dikategorikan mengancam keselamatan dan kedaulatan negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini Kerajaan belum lagi bercadang untuk mengeluarkan Kertas Putih mengenai kegiatan pertubuhan-pertubuhan ataupun individu-individu yang dikategorikan mengancam keselamatan dan kedaulatan negara.

SOALAN (84)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 28 MEI 2015
[KHAMIS]**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]**

SOALAN :-

**Y.B. TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN] minta
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN menyatakan jaminan kejadian kebakaran di
Kampung Tok Kah, Dungun yang berlaku setiap tahun tidak berulang dan
apakah langkah perlu yang telah diambil.**

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kebakaran di Kampung Tok Kah, Dungun adalah kebakaran tanah gambut yang berlaku setiap tahun. Pada tahun 2014, situasi kebakaran adalah yang paling teruk di mana melibatkan kebakaran seluas 411 hektar. Kebanyakan kes kebakaran ini berlaku disebabkan aktiviti pembakaran terbuka oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Sehubungan dengan itu, antara langkah-langkah pencegahan dan pengurangan yang telah diambil oleh pihak berkuasa termasuklah:-

- a) Perbincangan dan mesyuarat dengan Jawatankuasa Keselamatan Kampung (JKK);
- b) Rondaan oleh Anggota Balai Dungun terutama pada musim panas; dan
- c) Kempen Kesedaran Awam